

SH 20/1/2019 m/s 36

Tasik Buku syurga pemburu toman

Rembatan toman bersaiz besar jadi buruan kaki pancing

RAIHAM MOHD SANUSI

KEMAMAN

Kedudukannya agak terpencil tetapi namanya cukup dikenali orang ramai khususnya buat kaki pancing ekoran menjadi lubang ikan toman bersaiz besar.

Itu keistimewaan Tasik Buku yang terletak di Jalan Kampung Ibok-Kampung Paman, di sini, yang tidak pernah lengang dengan kehadiran pemancing tempatan mahupun dari luar.

Kesemua kaki pancing yang datang mahu merasai sendiri sentapan joran kerana toman memang diketahui, sebagai spesies ikan yang menyambar umpan apatah lagi jika toman yang mengena itu bersaiz besar.

Keadaan semulajadi tasik itu yang kawasan dalam airnya dipenuhi dengan pokok dan rumput juga memberi cabaran besar buat kaki pancing untuk mengendalikan joran terutama jika umpan dipagut.

Kalau silap percaturan, toman atau nama saintifiknya 'Channa Micropeltes' boleh terlepas begitu sahaja dan si pemancing cuma mampu gigit jari.

Malahan, sekiranya umpan mengena dan ikan tersekat pada pokok atau rumput di dalam air, ada antara kaki pancing sanggup mengharung tasik itu dengan turun dari tebing semata-mata untuk mengelak ikan itu terlepas.

Dua jam ngail tiga toman mengena

Syawal Alias, 29, berkata, Tasik Buku sememangnya sudah popular sebagai syurga kepada pemburu toman sepertinya.

"Tasik ini adalah satu-satunya kawasan memancing yang banyak toman di daerah ini dan di tempat lain payah nak dapat ikan toman seperti ini.

"Memang kalau nak ngail toman, kaki pancing akan datang ke sini saja. Dalam tempoh dua tiga jam mengail, boleh dapat tiga empat ekor ikan ini dan saiznya pula besar-besar, lebih satu kilogram (kg) seekor," katanya.

Menurutnya, pengalaman memancing di tasik itu akan lebih menyeronokkan kalau air pasang kerana ikan toman berkenaan akan keluar dari sarang dan lebih agresif menyambar umpan.

"Bila air pasang ikan keluar dari sarang dan itu masa terbaik untuk kaki pancing mendaratkan ikan air tawar liar ini," katanya yang tinggal di Kampung Mak Chili, di sini.

Bagaimanapun, jelas Syawal, dia memburu toman bukan kerana menggemari ikan itu sebaliknya kerana mahu

Syawal gembira berjaya menalkkan toman seberat satu kg di Tasik Buku, Kemaman.

menjadikannya sebagai ikan perhiasan dalam akuarium rumahnya disebabkan keunikan corak pada badan ikan tersebut.


"Saya tak gemar makan ikan toman sebaliknya saya suka bela ikan ini sebab badannya memang lawa, ada corak seolah-olah tulisan jawi sekaligus tunjukkan keunikan ciptaan ALLAH SWT.

"Di rumah abang saya ada seekor ikan toman yang dia bela yang beratnya dalam lima kilogram. Cantik sangat corak

pada badan ikan itu. Sebab itu saya pun buru toman," katanya yang bekerja swasta.

Namun, Syawal berkata, keseronokan mendaratkan toman boleh membawa padah andai tidak pandai mencabut ikan itu dari mata kail kerana gigi ikan itu yang tajam boleh mencederakan manusia.

Ditanya mengenai umpan yang digunakan, kata bapa dua anak itu, dia menggunakan ikan keli yang dibelinya di kedai sebelum dipotong beberapa kepingan setiap seekor.



Corak unik pada badan menjadikan toman menjadi buruan ramal.



Keadaan semulajadi Tasik Buku yang mempunyai banyak pokok dan rumput di dalam air memberi cabaran kepada Syawal dan kaki pancing lain untuk mendaratkan ikan.

